

PERWATAKAN DALAM NOVEL INTERLOK
KARYA ABDULLAH HUSSAIN

PERWATAKAN DALAM NOVEL TITERLOK
KARYA ABDULLAH HUSSAIN

oleh
MULHAMMAD ISA ISMAIL

Untuk Keperluan
Latihan Akademik
Di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
1975/1976

SYNOPSIS

AMONG the elements in a novel, characterization is one of the most important. The accomplishment of a novelist depends strongly on his artistic presentation and portrayal of characters in his novel. In short, characterization is the core of a novel. Therefore, in novel writing, the novelists place much emphasis on the aspect of characterization. They make various experiments of character-presentation in the novels, especially in Western novels.

These are among some of the issues which have been discussed in the earlier chapters of this dissertation before the characterization in the novel Interlok is discussed.

The whole discussion in this dissertation is divided into five chapters. The first chapter deals with some theories of characterization in novels. It also discusses the techniques of character-presentation and the growth and development of characterization in Western novels. Characterization in Malay novels is then discussed in Chapter Two.

In Chapter Three, Abdullah Hussain's career as a writer is examined. It deals with his efforts and activities in the field of writing. In addition to that, it also gives a brief account of his literary and non-literary works, apart from his novel Interlok.

In Chapter Four, the aspects of characterization in the novel Interlok is studied closely. Among the important aspects which are considered here are the interaction between characters, and the ways and aspects of portraying them. In this context, ephasis is given to a few main characters.

Chapter Five, which is the last chapter, is the conclusion of the whole discussion.

PRAKATA

BAB III

KAJIAN mengenai perwatakan dalam novel Interlok ini adalah untuk memenuhi kerja 'Latihan Akademik' yang merupakan satu kursus dalam bidang kesusasteraan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, bagi sidang akademik tahun 1975/76.

Di sini saya suka mencatatkan ucapan terimakasih dan penghargaan saya kepada Encik Shahnnon Ahmad, 'supervisor' kursus ini, yang telah bersusah-payah mengawasi hasil pekerjaan saya dan membantu saya dengan galakan, nasihat dan bimbingan dalam kursus ini.

Ucapan terimakasih dicatatkan juga di sini untuk Encik Baharuddin Zainal, ketua Cawangan Kajian dan Dokumentasi Sastra, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur; kerana pertolongan beliau memberikan beberapa kemudahan kepada saya ketika membuat penyelidikan di cawangan tersebut. Di samping itu ucapan terimakasih juga dicatatkan untuk Professor C. Skinner, pensyarah kesusasteraan Melayu moden di Universiti Monash, Australia; kerana pertolongan beliau memberikan beberapa cadangan dan teguran kepada saya dalam penulisan karangan ini.

Pendekata, dalam menyempurnakan karangan ini, saya terhutang budi kepada mereka yang tersebut di atas. Kejayaan saya dalam menghasilkan karangan ini adalah berkat pertolongan mereka. Kekurangan dan kelemahan yang ada adalah kekurangan dan kelemahan saya sendiri.

Universiti Sains Malaysia,
Minden, Pulau Pinang,
7hb. Februari, 1976.

Muhammad Isa Ismail

DAFTAR ISI

	Halaman
SYNOPSIS	iii
PRAKATA	v
PENDAHULUAN	1
BAB	
I PERWATAKAN DALAM NOVEL	4
II PERWATAKAN DALAM NOVEL-NOVEL MELAYU	27
III ABDULLAH HUSSAIN SEBAGAI SEORANG NOVELIS DAN SUBBANGANNYA DALAM LAIN-LAIN BIDANG PENULISAN	40
IV PERWATAKAN DALAM NOVEL INTERLOK	51
Pengenalan Ringkas Watak-watak	57
Perhubungan Di Antara Watak-watak	69
Penggambaran Watak-watak	76
V KESIMPULAN	99
LAMPIRAN	
I BIOGRAFI ABDULLAH HUSSAIN	115
II SENARAI KARYA-KARYA ABDULLAH HUSSAIN	118
BIBLIOGRAFI	120

PENDAHULUAN

DALAM pembicaraan tentang novel-novel Melayu seringkali soal perwatakan diperkatakan. Tetapi soal perwatakan ini selalunya hanya diperkatakan secara sepintas lalu bersama dengan pembicaraan terhadap unsur-unsur lain—tema, plot, latar dan lain-lain. Kajian terhadap unsur perwatakan secara khusus dan lebih serius amat sedikit dilakukan.

Kajian yang dilakukan secara menyeluruh tentang komposisi sesebuah novel selalunya kurang memuaskan, kerana tiap-tiap unsur yang terdapat di dalam komposisi novel itu tidak dibicarakan secara terperinci dan mendalam. Keadaan ini berlaku kerana skop pembicaraannya terlalu luas. Perhatian sepenuhnya tidak bisa diberikan, apalagi kalau dalam jangka masa yang terbatas pula. Kerana menyedari hal inilah maka saya membataskan pembicaraan terhadap novel Interlok ini. Fokus pembicaraannya khusus terhadap unsur perwatakan di dalamnya.

Saya memilih karya Abdullah Hussain kerana karyanya jarang diperkatakan orang, padahal beliau adalah seorang penulis veteran yang masih terus menghasilkan karya sampai ke hari ini. Novel Interlok pula dipilih kerana novel ini adalah merupakan novel yang terbaru dan terbaik di antara novel-novelnya yang lain. Novel ini telah memenangi hadiah sagu hati dalam Peraduan Novel Sepuluh Tahun Merdeka yang dianjurkan oleh kerajaan Malaysia.

Di antara unsur-unsur yang terdapat di dalam komposisi novel, unsur perwatakan adalah paling penting. Kejayaan seseorang pengarang dalam penciptaan novel bergantung kuat kepada kejayaannya dalam penampilan dan pengolahan watak-watak dalam novelnya, kerana kekuatan sesebuah novel bergantung erat kepada kekuatan perwatakan di

dalamnya. Pendekata, perwatakan adalah nadi sesebuah novel. Inilah pula sebabnya saya memilih aspek perwatakan untuk dibicarakan.

Sebenarnya unsur-unsur di dalam novel tidak harus dipisah-pisahkan. Dan untuk membuat penilaian orang harus melihat novel itu pada keseluruhannya. Tetapi kajian ini dibuat bukan dengan tujuan untuk mencari nilai dalam keseluruhan novel tersebut. Paling jauh saya hanya cuba membuat penilaian dalam aspek perwatakannya sahaja. Namun demikian, dalam pembicaraan ini, mungkin unsur-unsur lain dalam novel tersebut akan turut tersentuh secara tak langsung, kerana unsur perwatakan dalam novel adalah terjalin erat dengan unsur-unsur yang lain. Perwatakan diciptakan sesuai dengan plot. Plot pula memberi kemungkinan kepada watak-watak beraksi dan bereaksi. Dan plot yang meyakinkan mempunyai pertalian yang rapat dengan penggambaran watak yang meyakinkan. Demikian juga pertalian di antara perwatakan dan latar. Suasana umum mengenai watak—keadaan sosial, kebiasaan dalam hidup, agama, moral, mental, emosi dan sebagainya—adalah merupakan latar dalam novel. Latar ini pula adalah merupakan perkembangan watak.

Soal perwatakan dalam novel adalah soal pokok. Dengan melakukan pembicaraan mengenai perwatakan, secara tak langsung kita turut membicarakan tentang tema, plot, latar dan lain-lain di dalam novel.

Di samping itu, pengkajian tentang watak-watak dalam novel bererti kita mengkaji manusia-manusia yang menjadi anggota masyarakat yang ditimbulkan dalam novel itu. Hal-hal kemasyarakatan akan menjadi lebih jelas lagi apabila watak-watak itu dikaji dari sudut sosiologis. Nilai-nilai individual dalam diri manusia pula bisa diselami apabila watak-watak itu dikaji dari sudut psikologis. Walau bagaimanapun, semuanya ini adalah bergantung kepada kekuatan atau kejayaan perwatakan dalam novel itu.

Kekuatan dalam aspek perwatakan inilah yang hendak saya cari

di dalam novel Interlok. Apakah penampilan watak-wataknya bisa dipertanggungjawabkan dari segi psai-kologis, sosiologis dan fisiologis? Apakah penggambaran watak-watak itu bisa meyakinkan pembaca? Apakah watak-watak itu lahir dan hidup sebagai manusia-manusia benar? Soal-soal seperti inilah yang dikaji dan akan dibicarakan. Dengan yang demikian pembicaraan ini sekali gus merangkumi dua aspek: seni dan masyarakat. Pembicaraan tentang teknik penggambaran watak merupakan pembicaraan dalam aspek kesenian. Manakala pembicaraan tentang watak itu pula merupakan pembicaraan dalam aspek kemanusiaan atau kemasyarakatan.

Karangan ini terbahagi kepada lima bab. Bab Pertama mengandungi pembicaraan tentang teori perwatakan dalam novel dan perkembangan perwatakan dalam novel-novel di dunia kesusasteraan Barat. Bab kedua mengandungi pembicaraan khusus tentang pertumbuhan perwatakan dalam novel-novel Melayu. Dengan pembicaraan ringkas di dalam kedua-dua bab tersebut diharap akan menghasilkan satu gambaran umum tentang perwatakan dalam novel sebagai satu pengetahuan asas yang bisa digunakan untuk membantu dalam memahami perwatakan dalam novel

Interlok. Dalam Bab Ketiga pembicaraan difokaskan terhadap Abdullah Hussain sebagai seorang penulis dan novelis. Karya-karyanya akan dibicarakan secara ringkas di dalam bab ini. Dalam Bab Keempat barulah soal perwatakan dalam novel Interlok dibicarakan. Dan kesimpulan daripada pembicaraan itu dikemukakan dalam bab terakhir, Bab Kelima.

Sebuah keistimewaan seseorang tokoh. Bentuk sastra ini mulai diperkenalkan oleh Theophrastus, seorang pengarang Yunani dalam abad kedua S.M., apabila beliau menghasilkan sebuah buku indah yang dinamakan Characters. Bentuk karya ini kemudiannya mendapat "vogue" yang besar pada awal abad ketujuhbelas, dan lahirlah karya-karya yang dikenali sebagai "books of characters" yang ditulis oleh Joseph Hall, Sir Thomas Overbury dan John Earle yang kemudiannya mempengaruhi penulisan esai, sejarah dan fiksyen. Lanjutan daripada bentuk sastra inilah maka lahirnya "novel" di England sebagai satu "genre" sastra yang baru pada awal abad kedelapanbelas - (lihat A Glossary of Literary Terms, Holt, Rinehart and Winston, Inc., New York, (1971), h. 20 dan 111)